

Laporan masalah capaian internet oleh *Utusan Malaysia, Kosmo!*

# SKMM mula bertindak

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Laporan *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* membantu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenal pasti kawasan yang berdepan dengan masalah capaian internet sebelum tindakan penyelesaian segera diambil.

SKMM dalam kenyataan memberitahu, antara tindakan segera yang diambil ialah menara komunikasi di Kampung Orang Asli Sungai Belankan Tanjong Sepat, Kuala Langat, Selangor, dinaik taraf kepada 4G di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang dijangka bermula suku kedua tahun ini.

Katanya, tindakan itu adalah susulan laporan *Kosmo!* yang membangkitkan kesukaran seorang pelajar remaja perempuan Orang Asli suku Mah Meri untuk mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) disebabkan capaian internet yang lemah kerana rumahnya terletak jauh terpencil di penghujung kampung.

“Penyelesaian kedua ialah



**LAPORAN Utusan Malaysia pada 17 Januari lalu tentang cabaran murid di Kampung Orang Asli Ulu Lakai, Jelebu yang terpaksa belajar dalam khemah bagi mengikuti sesi PdPR. -UTUSAN/ZAKKINA WATI**

di Kampung Orang Asli Lakai Jelebu, Negeri Sembilan melibatkan kesukaran sekumpulan pelajar Orang Asli untuk mengikuti PdPR akibat ketiadaan capaian internet seperti yang dilaporkan *Utusan Malaysia*.

“Siasatan mendapati kawasan berkenaan tidak mempunyai capaian internet 4G dan bagi memastikan masalah itu

tidak berlanjutan, teknologi VSAT (Very Small Aperture Terminal) digunakan dan dijangka siap pada hujung tahun ini,” kata kenyataan itu.

Masalah capaian internet di Projek Perumahan Rakyat Melana Indah, Tampoi, Johor yang juga disiarkan *Kosmo!* baru-baru ini sudah diatasi dengan penyelesaian jangka pendek, iaitu memperbaiki pengoptimuman

kekuatan isyarat akan dilakukan dan dijangka selesai dalam suku pertama tahun ini.

Katanya, bagi penyelesaian jangka panjang pula, syarikat penyedia perkhidmatan di kawasan berkenaan akan menambah jalur spektrum 4G bagi meningkatkan capaian internet di kawasan itu.

“Penyelesaian keempat adalah mengenai kesukaran tiga adik-beradik untuk mengikuti sesi PdPR di Kampung Sungai Chengkeh, Serkat Pontian, Johor kerana capaian Internet lemah yang dilaporkan akbar *Utusan Malaysia*, juga akan diselesaikan segera.

“Buat permulaan adalah penyelesaian jangka pendek, pihak Celcom dan U Mobile telah melakukan kerja-kerja penambahbaikan pada pencawang pada 24 Februari lalu bagi meningkatkan kualiti liputan 4G yang dijangka siap pada minggu ketiga Mac ini,” katanya.

Jelasnya, penyelesaian jangka panjang pula, sebuah menara baharu akan dibina di bawah pelan JENDELA dan kerja-kerja pembinaan menara akan bermula pada hujung tahun 2021.